



PERSATUAN PEGAWAI SAINS FIZIK
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PERFEKS)
D/A : UNIT FIZIK
JABATAN PERUBATAN NUKLEAR
HOSPITAL KUALA LUMPUR
JALAN PAHANG
50586 WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR

Tel: (03) 2615 5822
Fax: (03) 2615 5714
Email : perfeks.moh@gmail.com

Rujukan kami : (55) HQPPN/WKL1688/11 Jld.2 – sk (5)
Tarikh : 12 April 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

JEMPUTAN BAGI MENGHADIRI KURSUS "*INTERNATIONAL CONFERENCE ON RADIATION SAFETY & SECURITY IN HEALTHCARE SERVICES 2017*" ANJURAN PERSATUAN PEGAWAI SAINS (FIZIK) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PERFEKS)

Sukacita dimaklumkan bahawa, PERFEKS dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) serta Universiti Sains Malaysia (USM) kembali lagi dengan penganjuran Kursus Keselamatan Sinaran Peringkat Antarabangsa. *ICoRSSiHS 2017* ini dirangka khusus untuk memenuhi keperluan keselamatan sinaran di tiga bidang perubatan utama yang menggunakan sinaran mengion dalam penyampaian khidmat kesihatan iaitu radiologi, radioterapi dan perubatan nuklear. Kursus ini akan menampilkan penceramah antarabangsa dari *International Atomic Energy Agency* (IAEA) yang mempunyai pengalaman meluas dalam menangani isu-isu keselamatan sinaran antarabangsa.

2. Kursus ini diadakan untuk memenuhi objektif-objektif sebagaimana berikut :

- i. Untuk memberi penerangan dan maklumat mengenai kepentingan perlindungan sinaran kepada kakitangan yang terdedah kepada sinaran mengion dalam bidang perubatan.
- ii. Untuk mengasaskan dan mengukuhkan keselamatan sinaran dalam perkhidmatan kesihatan terutamanya di dalam bidang pengimejan dan terapi perubatan.
- iii. Untuk meningkatkan pemahaman mengenai Akta 304 dan peraturan yang berkaitan dalam bidang perkhidmatan kesihatan.

"INTERNATIONAL CONFERENCE on RADIATION SAFETY & SECURITY in HEALTHCARE SERVICES 2017"



3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, YB Menteri Kesihatan Malaysia adalah dijemput untuk merasmikan kursus ini yang akan diadakan seperti maklumat berikut :

Tarikh : **19 – 20 Ogos 2017**
Masa : **8:00 pagi hingga 5:00 petang**
Tempat : **Penang, Malaysia.**

4. Dengan ini, pihak kami amat berbesar hati untuk menjemput pegawai-pegawai di bawah seliaan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menghadiri kursus ini. Bersama-sama surat ini dilampirkan risalah hebahan pertama untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Ahli Jawatankuasa Pendaftaran iaitu :

En. Mohd Hilmi bin Md Hizir di talian 011-1258 4662
atau

Cik Noor Fadzilah Hana binti Mahpot di talian 019-253 2215
Emel : icorssih@gmail.com

5. Mohon kerjasama daripada pihak YBhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengembalikan borang pendaftaran selewat-lewatnya pada **30 Julai 2017**. Untuk makluman YBhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan juga, segala tuntutan bayaran yuran kursus, perjalanan dan penginapan adalah ditanggung oleh pusat tanggungjawab masing-masing. Segala perhatian, sokongan dan kerjasama pihak YBhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,



(NIK MOHAMED HAZMI BIN HJ. NIK HUSAIN)

Presiden

Persatuan Pegawai Sains Fizik

Kementerian Kesihatan Malaysia (PERFEKS)

*"INTERNATIONAL CONFERENCE on RADIATION SAFETY &
SECURITY in HEALTHCARE SERVICES 2017"*

